



**RINGKASAN MAKLUMAT
PROGRAM BAIK PULIH RUMAH DI BANDAR
TAHUN 2024**

PERKARA	PENERANGAN
Kriteria Kelayakan	<ol style="list-style-type: none"> 1. KIR/AIR yang menetap di dalam kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan (kawasan bandar); 2. Disahkan status kemiskinan dalam sistem eKasih sama ada miskin tegar/miskin/terkeluar (kumpulan B40 sahaja); 3. Bagi yang tidak berdaftar dalam eKasih, KIR/AIR hendaklah disahkan dalam Mesyuarat <i>Focus Group</i> Pembasmian Kemiskinan Peringkat Negeri atau Daerah dan satu salinan minit mesyuarat perlu dikemukakan semasa permohonan; 4. Kerosakan rumah disebabkan faktor usia atau bencana tetapi masih ekonomik untuk dibaiki berdasarkan kadar bantuan yang ditetapkan oleh Kementerian; dan 5. Pembaikan melibatkan komponen-komponen asas rumah sahaja seperti bumbung, atap, siling, tangga, dapur, tandas, bilik air, pintu, dinding, lantai simen/ kayu, tingkap, perpaipan, perparitan (perimeter drain/ saluran keluar), pembentungan/ kumbahan dan pendawaian elektrik serta tidak melibatkan struktur asas rumah.
Jenis Rumah	Rumah sesebuah/ rumah berkembar/ teres (<i>landed property</i> sahaja).
Permohonan yang TIDAK LAYAK dipertimbangkan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pembesaran dan pengubahsuaian bahagian dalam atau luar rumah sedia ada; 2. KIR/AIR mendiami rumah setinggan; 3. KIR/AIR mendiami rumah sewa; 4. KIR/AIR telah menerima bantuan bina baru/ baik pulih rumah sama ada dari KPKT atau mana-mana Agensi Kerajaan lain kecuali yang terlibat dengan musibah; dan 5. Permohonan tidak disertakan dokumen sokongan yang lengkap
Jumlah Permohonan	Pegawai penyelarass PPKB dimohon untuk mendapatkan pengesahan daripada Unit Penyelarasan Projek di jabatan masing-masing sebelum mengemukakan permohonan ke KPKT bagi mengelakkan kos pembaikan melebihi kadar bantuan dan jumlah permohonan melebihi keupayaan pelaksanaan oleh jabatan.
Kaedah Permohonan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Melengkapkan Borang PPKB BP mengikut kriteria yang ditetapkan dan disertakan dokumen sokongan seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> a) Salinan Kad Pengenalan KIR/AIR b) Gambar penuh rumah dengan jelas (dari luar) c) Gambar kerosakan dengan jelas (sila nyatakan jenis kerosakan) 2. Mengemukakan dokumen lengkap permohonan kepada alamat berikut: Setiausaha Bahagian Bahagian Kesejahteraan Komuniti Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Aras 15, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya Tel:03-8891 5051 Faks: 03-8891 5547